From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MAJLIS PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN JAWATANKUASA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN BUKTIKAN KOMITMEN PIHAK PENGURUSAN SOE TERHADAP PELAJAR PASCASISWAZAH PENDIDIKAN
Date: Monday, 21 September, 2026 3:31:09 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

21 SEPTEMBER 2026 / 9 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita oleh: Nurul Aimi Hafizah Shamsudin
Gambar oleh: Muhammad Azhar

MAJLIS PENYERAHAN SURAT PELANTIKAN JAWATANKUASA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN BUKTIKAN KOMITMEN PIHAK PENGURUSAN SOE TERHADAP PELAJAR PASCASISWAZAH PENDIDIKAN



UUM ONLINE: Sintok, 17 September 2026 – Pusat Pengajian Pendidikan (SoE), Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuh pengurusan dan penglibatan pelajar pascasiswazah melalui penganjuran Majlis Penyerahan Surat Pelantikan Jawatankuasa Pascasiswazah Pendidikan (*Postgraduate Education Committee*), SoE, UUM yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Saujana, SoE, baru-baru ini. Majlis yang menghimpunkan barisan Pengurusan SoE, Pengerusi program pascasiswazah, Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Pascasiswazah Pendidikan ini diadakan sebagai
simbol rasmi pelantikan wakil pelajar pascasiswazah.

Majlis tersebut membuktikan komitmen padu antara pelajar dengan pihak pengurusan SoE yang saling menyokong memperkukuh hubungan, komunikasi dan kecemerlangan bagi Program Pascasiswazah Pendidikan.



Pelantikan Jawatankuasa Pascasiswazah Pendidikan merupakan salah satu usaha SoE dalam menyediakan ruang kepada pelajar pascasiswazah untuk memainkan peranan secara lebih aktif dalam menyokong aktiviti berkaitan pengajian, kebajikan dan pembangunan komuniti pascasiswazah.

Ahli jawatankuasa yang dilantik terdiri daripada wakil pelajar daripada pelbagai program iaitu Ijazah Kedoktoran PhD. dan EdD, Ijazah Sarjana MRes., Med. dan MSc.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Dekan SoE, YBrs. Prof. Madya Dr. Mohamad Khairi bin Haji Othman. Dalam ucapan tersebut, beliau menekankan kepentingan penganjuran program-program akademik yang dapat menyokong dan membantu pelajar pascasiswazah meneruskan pengajian dengan cemerlang.

Pada masa yang sama, beliau turut menggalakkan pelaksanaan program berbentuk komuniti dan tanggungjawab social korporat (CSR) sebagai wadah untuk memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan pelajar, di samping menjadikan pengalaman sepanjang menempuh pengajian pascasiswazah lebih bermakna.





Majlis turut diserikan dengan perkongsian daripada Timbalan-timbalan Dekan, Pengerusi Program Pascasiswazah serta Penasihat Jawatankuasa Pascasiswazah Pendidikan yang memberikan pandangan dan nasihat kepada ahli jawatankuasa dalam melaksanakan peranan yang diamanahkan.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyerahan surat pelantikan kepada Ahli Jawatankuasa Pascasiswazah Pendidikan bagi sesi 2026/2027 oleh Dekan SoE sebagai pengiktirafan rasmi terhadap peranan dan tanggungjawab yang bakal digalas oleh barisan ahli jawatankuasa dalam membantu memperkukuh penglibatan pelajar pascasiswazah di peringkat pusat pengajian.


Majlis disusuli dengan Mesyuarat Jawatankuasa Pascasiswazah Pendidikan sebagai salah satu agenda utama program. Sesi tersebut memberi ruang kepada ahli jawatankuasa untuk berkongsi pandangan, cadangan dan idea berkaitan keperluan pelajar, sekali gus membuat perancangan berkaitan aktiviti yang bakal dianjurkan serta inisiatif yang dapat memberi manfaat kepada warga pascasiswazah SoE.





Penubuhan jawatankuasa ini turut mencerminkan komitmen SoE dalam memperkasakan suara dan penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti serta inisiatif di peringkat pusat pengajian, kolej dan universiti.

Penglibatan wakil pelajar daripada pelbagai program juga dapat menyokong usaha memperkukuh jaringan dan kerjasama dalam kalangan komuniti pascasiswazah di SoE dan juga peringkat global melalui wakil AJK antarabangsa yang dilantik.





Penganjuran majlis ini diharapkan dapat memperkukuh peranan Jawatankuasa Pascasiswazah Pendidikan sebagai penghubung antara pelajar pascasiswazah dengan pihak pengurusan SoE, di samping menyokong usaha memperkasa warga pascasiswazah SoE agar lebih proaktif.

ZMS/JKK/2026





Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.